

Dr. Mahathir negarawan tidak tamak kuasa — PM

UM - 24/9/2004: 2 Perdana

KUALA LUMPUR 23 Sept. — Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang negarawan yang tidak tamak kepada kuasa.

Ini kerana tegasnya, beliau membuktikan sifat ikhlas apabila mengundurkan diri ketika gagah berada di puncak kuasa.

Katanya, dalam tempoh Dr. Mahathir memimpin UMNO dan memimpin kerajaan, beliau juga telah membawa perubahan besar kepada pembangunan negara dan bangsa.

“Bagaimanapun keputusan beliau mengundurkan diri ketika gagah berada di puncak kuasa adalah tanda bukti sifat ikhlas seorang negarawan yang tidak tamak kepada kuasa,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan dasar sulung sebagai Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dalam ucapannya ‘Melangkah ke Hadapan - Meneroka Kecemerlangan’, Abdullah menegaskan dalam usia UMNO yang mencecah 58 tahun, Dr. Mahathir juga mencatat sejarah sebagai Presiden UMNO yang paling lama iaitu memimpin UMNO selama lebih 22 tahun.

“Kita mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan mereka (bekas pemimpin UMNO dan keluarga) terutamanya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO kelima yang hadir bersama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Majlis ini,” tambahnya.

Presiden UMNO itu juga melahirkan rasa terhutang budi kepada para pemimpin UMNO yang telah mewariskan kepada UMNO yang kukuh lagi matang.

Beliau juga merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang telah pernah memimpin UMNO dan kini telah memilih mengundurkan diri dari barisan kepimpinan.

Walaupun begitu, tambahnya mereka kekal aktif dan cekal bersama menyokong usaha UMNO.

Justeru ujarnya, perkhidmatan, jasa bakti dan pengorbanan mereka amatlah berharga, kekal terukir dalam ingatan - kekal terpahat dalam kenangan.

Abdullah juga mengingatkan barisan kepimpinan baru Wanita, Pemuda dan Puteri yang telah dipilih dalam perhimpunan masing-masing semalam supaya memenuhi harapan dan kepercayaan ahli-ahli secara bertanggungjawab - secara amanah.